

NO SOALAN :193**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memberikan pengecualian cukai syarikat kepada Semangat Suwa Sdn. Bhd. supaya keuntungan syarikat tersebut boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh sekolah-sekolah persendirian Cina di Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan keperihatinan Kerajaan untuk memajukan pendidikan rakyat, Kerajaan telah menyediakan suatu layanan cukai pendapatan ke atas sumbangan atau derma wang tunai oleh syarikat atau individu kepada tabung pembinaan sekolah bukan milik Kerajaan atau

204

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sebagai agensi pelaksana tidak mengamalkan sistem penarafan jalan seperti yang dinyatakan tersebut.

Kementerian ini melalui agensi JKR melakukan kerja-kerja penyelenggaraan jalan, menaiktaraf jalan sediaada dan pembinaan jalan raya baharu mengikut spesifikasi jalan raya sediaada yang telah ditetapkan.

Kementerian ini juga komited dalam meningkatkan kualiti keselamatan jalan raya dengan melakukan program-program seperti audit keselamatan jalan raya, usaha rawatan kawasan kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) dan membina jejantas pejalan kaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini sentiasa memastikan spesifikasi dan piawaian jalan raya yang digunakan adalah terkini dan mematuhi piawaian antarabangsa.

Namun begitu, kementerian ini sentiasa menerima pandangan dari semua pihak bagi meningkatkan kualiti jalan raya terutama jalan raya persekutuan dan lebuhraya.

Sekian, terima kasih.